

BAHANA KOPI PACAK



Lima menggigit ke hospital akibat minuman 'tambah power'

> Belum sempat habis minum tubuh habis lembik dan pitam manakala rakan pula meraung menahan pening, loya serta keletihan. Itulah musibah menimpa lima individu termasuk dua pengawal keselamatan akibat kopi pracampuran 4 dalam 1 berperisa durian yang kononnya mampu menambah 'tenaga' hingga mereka terpaksa dikejarkan ke Hospital Pulau Pinang (HPP), lapor Hadzlihady Hassan

Harian METRO
M/S 01

01/02/2019 M/S



BERKAYUH KUNJUNG 320 MASJID

> 10&11




BERPELUK ATAS POKOK BAKAU WIRA CILIK SELAMAT ADIK

> 6

Kopi durian tergeleng-geleng

■ Lima individu alami letih melampau, loya, pening selepas ambil minuman pracampuran



Hadzlihady Hassan
hadzlihady@hmetro.com.my

Georgetown

Kopi pracampuran 4 dalam 1 berperisa durian yang diminum lima individu termasuk dua pengawal keselamatan kononnya mampu menambah 'tenaga' menjadi sebaliknya apabila mereka mengalami keletihan dan loya sehingga dikejarkan ke Hospital Pulau Pinang (HPP) di sini, malam kelmarin bagi mendapatkan rawatan.

Kejadian menimpa dua pengawal keselamatan berkenaan yang dikatakan mengambil kopi pracampuran 4 dalam 1 berperisa durian itu menjadi viral dan dua klip video berdurasi lapan dan 10 saat turut disertakan dengan menunjukkan seorang pengawal keselamatan warga asing terbaring, manakala seorang lagi menggeleng-gelengkan kepala.

Kedua-dua mereka diberi rawatan awal oleh rakan bertugas sebelum dihantar ke HPP.

Menurut rakan pengawal terabit yang enggan dikenali berkata, kedua-dua ra-

Beliau berkata, kejadian berlaku jam 9.40 pagi selepas seorang individu yang tidak dikenali singgah ke tempat kerja mereka di pondok pengawal keselamatan sebuah bangunan komersial di Pulau Tikus sebelum memberikan peket kopi berkenaan.

"Ketika itu, empat pengawal keselamatan bertugas dan individu terabit memberikan empat bungkus kopi berkenaan untuk dicuba.

"Seorang daripada kami membancuh sepeket kopi itu dan menuangnya ke dalam dua gelas untuk dikongsi bersama seorang lagi rakan," katanya.

Dedah jenama kopi jika terbukti ada bahan terlarang

Kuala Selangor: Jabatan Kesihatan Pulau Pinang masih menunggu keputusan analisis sampel kopi campuran yang didakwa menjadi punca lima individu dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang (HPP) kerana mengalami sindrom letih dan lemah teruk, kelmarin.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata, analisis itu bertujuan mengenal pasti sama ada kopi berkenaan mengandungi bahan kimia terlarang yang menjadi punca semua mangsa mengalami simptom berkenaan.

"Kami jangka keputusan itu siap dalam masa terdekat."

"Jika didapati mengandungi bahan terlarang, Kementerian mendedahkan jenama kopi campuran itu dan mengarahkan produk berkenaan ditarik balik dari pasaran tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Mesra Rakyat sempena sambutan Thai-pusam di Kuil Sri Subramaniam Swamy di sini, semalam.

Majlis itu dimeriahkan dengan kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Dr Subramaniam berkata, sehingga kini, pihaknya difahamkan lima lelaki dimasukkan ke hospital dipercayai kerana minuman kopi berkenaan.

num kopi berkenaan da kami mengambil sampel da rah untuk dihantar ke

Namun mereka bernasib baik kerana gejala dialami itu tidak mengancam nyawa dan tiga daripada mereka juga dibenarkan pulang sebaik mendapat rawatan.

Difahamkan, gejala dialami mereka didefinisikan sebagai *toxidrome sympathomimetic* iaitu pesakit cenderung mempamerkan kebimbangan, khayalan, *diaphoresis*, *hyperreflexia*, *mydriasis*, *paranoia*, *niloerection* dan sawan-

kannya itu mengambil kopi berkenaan yang diberikan individu yang tidak dikenali untuk dicuba.

Katanya, mereka minum kopi berkenaan hingga hampir habis sebelum kedua-duanya menunjukkan perubahan.

"Seorang daripadanya lembik dan hampir pitam, manakala seorang lagi meraung sambil menahan pening," katanya.

Menurutnya, selepas hampir habis menikmati minuman terbabit, kedua-dua rakanannya itu menunjukkan gejala apabila mereka menjadi lemah dan pening.

"Melihatkan keadaan mereka beberapa rakan lain turut membantu melumurkan minyak angin untuk meredakan rasa pening.

"Bagaimanapun, keadaan tidak berubah, malah menjadi semakin letih sebelum

dibawa ke hospital dengan kereta pekerja lain," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kesihatan Pulau Pinang Dr Wan Mansor Hamzah berkata, pihaknya merawat lima kes pesakit sejak Sabtu lalu hingga kelmarin yang mendakwa minum ko-

pi berkenaan.

"Tiga daripada mereka dibenarkan keluar wad, manakala kes terbaru dilaporkan semalam (kelmarin) membabitkan dua pesakit yang kini menerima rawatan dan juga pemantauan.

"Setakat ini, tiada kematian dilaporkan akibat mi-

rah untuk dihantar ke jabatan kimia," katanya, semalam.

Wan Mansor berkata, pihaknya masih menyiasat sama ada kopi terbabit tiruan atau sebaliknya.

"Terlalu awal untuk membuat kesimpulan bagi menentukan kopi berkenaan palsu atau tidak. Namun kami harap orang ramai lebih berhati-hati memilih sebarang makanan," katanya.